

# Media Permata

Sejak 1995

Jilid: MP25/227 • Rabu, 22 Mac 2023 / 29 Syaaban 1444H • B\$1.50 • Harian Unggul Brunei Darussalam

WAKTU SOLAT IMSAK 4:57AM • SUBUH 5:07AM • SYURUK 6:24AM • DOHA 6:46AM • ZOHOR 12:28PM • ASAR 3:35PM • MAGHRIB 6:31PM • ISYAK 7:40PM • TAMBAH 3 MINIT BAGI BELAIT DAN 1 MINIT BAGI TUTONG



Atlet-atlet karate UNISSA bergambar bersama pengurus pasukan semasa kejohanan tersebut di Dewan Olahraga UNS. - Gambar serahan UNISSA

## UNISSA SERTAI KEJOHANAN KAUNSC

**BANDAR SERI BEGAWAN, 21 MAC** - Dua pelajar Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah mengikuti Kejohanan Karate Antarabangsa Universitas Sebelas Maret Cup (KAUNSC) yang diadakan di Solo, Surakarta, Indonesia, baru-baru ini.

Kejohanan tersebut dianjurkan oleh Universitas Sebelas Maret (UNS), Indonesia dengan kerjasama Persatuan Karate Indonesia (PKI). Ia merupakan penganjuran kali ke-12 yang diadakan pada tahun ini.

Kejohanan tersebut berlangsung selama tiga hari bermula pada 17 Mac hingga 19 Mac lalu. Pasukan Karate UNISSA diwakili oleh Abdul Mujib bin Awang Sh'minan, mahasiswa Tahun

3, Fakulti Usuluddin dan Nur Faridatul Syakirah binti Roslan, mahasiswi Tahun 3, Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban (PPHT).

Kategori yang diikuti oleh wakil pasukan Karate UNISSA ialah Kumite Perseorangan Lelaki Bawah 55 kilogram dan Kumite Perseorangan Perempuan Atas 68 kilogram.

Sebanyak 43 buah pasukan yang terdiri daripada 250 orang atlet telah mengikuti pertandingan tersebut.

Turut serta bagi mengiringi atlet UNISSA di kejohanan tersebut ialah pensyarah UNISSA, Dr Mohammad Hilmy Baihaqy bin Haji Awang Yussof, yang juga merupakan pengurus dan jurulatih bagi pasukan Karate UNISSA.